

# Berfikiran Besar, Seiring Dengan Tindakan!



Masa untuk menyambut ketibaan tahun baru datang lagi, dengan berbagai doa dan harapan. Walaubagaimanapun, **K-LINK** tetap menggalakkan pemimpin sekalian supaya mempertingkatkan objektif diri serta berfikiran terbuka!

Kini, kita telah merealisasikan impian yang terpendam selama 7 tahun, iaitu memiliki sebuah bangunan kepunyaan syarikat. Syabas! kepada semua! Selama ini, **K-LINK** tidak pernah menyetepikan impian ini, sesungguhnya mungkin kita pernah mengusahakan, dan akhirnya impian yang bernilai 15juta ini menjadi kenyataan! Hakikat ini membuktikan bahawa, tidak kira beberapa tingginya cita-cita, ia pasti dapat dicapai dengan kesungguhan serta azam kuat.

Fokusnya adalah pada pembentukan impian gagah yang diturut serta dengan tindakan!

Kini, kita mara objektif seterusnya iaitu: Kumpulan **K-LINK** diiktiraf sebagai salah satu daripada 5 syarikat MLM terunggul di Malaysia! Barangkali ada di kalangan kita yang meragui tentang kesanggupan serta kemampuan sebuah syarikat yang berumur 7 tahun untuk mencapai objektif setinggi ini; lebih-lebih lagi dengan persaingan hebat di bidang MLM Malaysia. Rakan **K-LINK** yang dihormati sekalian, hakikat ini merupakan keajaiban bidang MLM....kepastian yang... tidak dapat diperjangkakan secara normal! Pada masa dahulu, ada yang meragui kesanggupan kita menerokai pasaran dunia, tetapi kini, bukannya bendera **K-LINK** telah berkibar di empat puluh lebih negara? Ada kalangan mereka yang pernah beranggapan bahawa pengisytiharan pembelian bangunan kepunyaan **K-LINK** merupakan cakap kosong sahaja, tetapi kita tetap merealisasikan hasrat tersebut!

Tonjolkanlah azam kuat rakan-rakan **K-LINK**!

Para pemimpin **K-LINK** sekalian,

Penerokaan sedunia tidak mengimplicasikan bahawa kita tidak mementingkan pasaran tempatan. Bahkan, kini kita sanggup menawarkan potensi peluang bisnes yang melebihi empat-puluh buah negara; kami dapat menawarkan satu suasana yang jauh lebih istimewa buat semua! Selepas perancangan strategik beberapa tahun, peluang perkembangan kita kini begitu luas sekali!

Berdasarkan pengalaman dari perspektif pasaran Indonesia, ia nyata menunjukkan wujudnya potensi pasaran kaum

bumiputra yang hebat. MLM adalah perusahaan yang melangkaui istilah agama serta perkauman, berperanan utama demi menyumbang kepada perpaduan antara kaum dan perkembangan ekonomi negara. Bumiputra merangkumi tiga persepuluh dua daripada jumlah penduduk Malaysia; sejajar dengan polisi utama pembangunan negara, **K-LINK** berhasrat memupuk lebih banyak lagi usahawan bumiputra. Dengan trend peningkatan pesat jumlah penduduk kaum bumiputra, potensi pemasaran sektor ini kian hebat, ia merupakan suatu potensi pasaran yang amat dititikberatkan.

Justeru, kita perlu memperkuatkan K-Sistem selaku pelopor pemasaran. Sektor pasaran internasional **K-LINK** kian berkembang, segala operasi mesti dipastikan supaya sejajar dengan keperluan perkembangan serta perubahan pesat sedunia. Menerusi sistem pendidikan cemerlang demi mempertingkatkan kualiti ahli jawatankuasa K-Sistem, **K-LINK** akan memperketatkan syarat serta peraturan terhadap kelulusan pemilihan ahli jawatankuasa baru.

Sejajar dengan permulaan operasi Wisma **K-LINK**, segala perancangan strategik maupun aktiviti sistem dapat dipereratkan, pemimpin **K-LINK** digalakkan supaya menggunakan berbagai kemudahan yang tersedia di dalam bangunan. Selaku pusat gerakan global **K-LINK**, segala ciri-ciri operasi di Wisma **K-LINK** akan bersifat lebih padat, profesional, korporat serta bersistem; demi memudahkan pengawasan serta pantauan terhadap hal awal pergerakan kumpulan di seluruh dunia. Sedemikian, nilai visi **K-LINK** bakal dapat disempurnakan secara menyeluruh.

Para pemimpin sekalian,

Perayaan tahunan **K-LINK** ke-7 bakal diadakan di Jakarta, Indonesia pada 2008, ia merupakan salah satu strategi demi memupuk bakal pemimpin MLM yang bersifat internasional, dan ramai akan dijemput menghadiri perayaan yang gilang-gemilang ini! Pemimpin **K-LINK** digalakkan supaya menyertai perayaan ini demi mempereratkan perhubungan dengan rakan-rakan daripada negara asing sambil mengambil kesempatan untuk mempertingkatkan daya kehandalan di arena perjuangan!

Pada 2008, semoga sekalian dapat mempersembahkan kehandalan masing-masing serta mencapai tahap kecemerlangan setinggi-tingginya di dunia MLM !